



# Kemandirian Bahasa Melayu

Bahasa ialah kebolehan semula jadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi suara yang telah dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi. Menurut Asmah Haji Omar, (1988), tokoh linguistik Melayu, bahasa merupakan firasat atau petunjuk kepada sesuatu kebudayaan. Lebih ringkas lagi bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya. Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan budaya yang mengamalkan cara hidup yang berlainan. Dalam konteks negara kita, bahasa Melayu telah membuktikan kemampuannya menyatukan seluruh bangsa yang ada di negara ini sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia, dan bahasa ini telah digunakan secara meluas oleh setiap golongan masyarakat, dari peringkat atasan hinggalah peringkat bawahan.

Bahasa Melayu juga pernah diangkat sebagai bahasa perdagangan namun, kini setelah negara semakin menuju ke arah kemodenan, kedudukan bahasa Melayu semakin rapuh dan kemandirian bahasa Melayu kian terancam disebabkan sikap rakyatnya sendiri yang terlampau mengagung-agungkan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Sebagai contoh, hal yang sedemikian ini disuarakan Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh dalam Syarahan Agung Sasterawan Negara, seperti yang berikut:

Mungkin di Malaysialah anak negerinya ramai yang tidak pandai berbahasa dengan bahasa kebangsaannya, dan ramai juga yang malu menggunakannya atau berasa darjat sosialnya sudah jatuh tertiarap di lantai apabila dia bercakap dalam bahasa ini. Jikalau kita tidak percaya pada bahasa kita, orang lain di dunia pun tidak mempunyai sebab untuk mengkajinya. Sekarang ini kebanyakan kursus sastera dan bahasa Melayu di Eropah, Australia dan Amerika sudah ditutup, sementara kajian China, Vietnam, India dan malah Cambodia sedang berkembang. Di hadapan mata kita bahasa Melayu bertumbuhan, sakit dan sebahagiannya sudah mati untuk selama-lamanya sekiranya kita tidak berbuat apa-apa, dan parah dalam kalangan yang terpelajar, yang tertinggi ijazahnya dan tertinggi pangkatnya. Orang kampung tidak membunuh bahasa ibundanya. Kitalah yang dianugerahkan berbagai-bagai kemudahan, upaya dan kecerdasan dan kitalah yang membunuhnya.

Kata-kata ini ialah bukti bahawa pada era globalisasi ini kemandirian bahasa Melayu kian musnah. Banyak faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku.

Antara faktor yang paling memberikan impak terhadap kemunduran bahasa Melayu termasuklah faktor globalisasi. Menurut *Kamus Dewan*, globalisasi didefinisikan sebagai satu fenomena yang menjadikan dunia ini kelihatan mengecil dari segi perhubungan sesama manusia disebabkan oleh kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Zaman era globalisasi ini mula berkembang di seluruh dunia. Perkembangan ini telah banyak membawa impak yang positif, dan negatif kepada masyarakat, begitu juga dengan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan ini telah membawa kita semua kepada penggunaan telefon bimbit secara berleluasa, dan hal yang sedemikian ini membawa kita kepada penghantaran sistem pesanan ringkas atau lebih dikenali sebagai (SMS). Hal ini ialah satu kaedah perhubungan antara dua individu yang sangat cepat serta menjimatkan masa. Kaedah ini serba sedikit membantu masyarakat dalam aspek perhubungan social, tetapi membawa impak yang negatif kepada bahasa Melayu kerana penggunaan simbol, bahasa rojak dan singkatan yang salah berleluasa. Amalan sebegini bertujuan untuk menggantikan maksud yang sebenar dan menjimatkan ruangan yang terhad. Sebagai contoh "awak kat ne skrunk?", adalah antara ayat yang sering digunakan, terutamanya dalam kalangan anak muda. Bagi mereka, berkomunikasi seperti ini lebih mudah, cepat dan selesa. Ada juga ayat yang ditulis bercampur aduk antara bahasa Melayu dan

bahasa Inggeris atau lebih dikenali sebagai bahasa rojak. Hal yang sedemikian ini bergantung pada perkenaan yang lebih pendek dan panjang untuk dieja. Mereka tidak peduli sama ada cara itu betul atau salah asalkan apa-apa yang ingin disampaikan dapat difahami oleh penerimanya. Sebagai contoh "Nxt week g mane?". Amalan seumpama ini menjadi kebiasaan sehingga terbawa-bawa dalam konteks penggunaan rasmi seperti karangan, surat rasmi, memo, dan sebagainya hinggalah perkara ini menjadi satu masalah terhadap kemandirian bahasa Melayu.

Seterusnya, faktor yang memberikan impak kepada kemandirian bahasa Melayu ialah anggapan pelajar bangsa Melayu bahawa bahasa Melayu tidak perlu lagi dipelajari kerana bahasa Melayu digunakan setiap hari untuk berkomunikasi. Hakikatnya bahasa Melayu yang mereka tuturkan setiap hari mengandungi kesalahan dari segi tatabahasa. Oleh sebab itu, mereka sering kali melakukan kesalahan bahasa kerana menganggap perkataan yang dituturkan sama sahaja dengan yang mereka tulis. Pada hakikatnya bahasa Melayu yang telah digunakan dalam pertuturan seharian berbeza daripada bahasa baku yang digunakan dalam urusan rasmi. Selain itu, ada sesetengah pelajar yang kurang berminat untuk mempelajari peraturan tatabahasa seperti penggunaan kata pemerii "adalah" dan "ialah", kata hubung, imbuhan, dan sebagainya kerana mereka menganggap bahasa Melayu itu mudah dan memadai dengan membina ayat yang lengkap yang dapat difahami oleh pembaca. Oleh hal yang sedemikian, apabila mereka berfikir sedemikian, kemahiran untuk mendalami pengetahuan tidak menebal dan keupayaan

bahasa memacu pemikiran masyarakat kian terhakis.

Di samping itu, terdapat kecenderungan masyarakat menjadikan media massa sebagai sumber rujukan yang utama dan kurang merujuk bahan-bahan rujukan lain yang lebih wibawa seperti buku, majalah ilmiah, dan sebagainya. Walaupun media massa pada hari ini banyak membantu dan memudahkan dari segi penerimaan maklumat dan penebarannya ilmu, namun kita tidak seharusnya bergantung pada media massa seratus peratus tanpa merujuk bahan yang lain yang lebih berwibawa. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa di negara ini masih belum dapat mencapai status sebagai suri teladan penggunaan bahasa Melayu baku.

Dalam pada itu, pengaruh budaya asing meninggalkan impak yang sangat kuat dalam kalangan anak muda masa kini. Sebagai contoh, budaya hip-hop yang berleluasa dalam kalangan anak muda. Hip-hop ialah satu aliran muzik rap yang berasal dari bandar raya New York di Amerika Syarikat pada tahun 1970-an oleh masyarakat kulit hitam, khususnya masyarakat Amerika Afrika dan Amerika Latin. Budaya hip-hop menjadi terkenal di Malaysia kerana munculnya kumpulan-kumpulan muzik genre ini. Kemunculan kumpulan-kumpulan muzik ini memberikan impak kepada kemandirian bahasa Melayu kerana penciptaan lirik lagunya yang banyak menggunakan bahasa pasar. Hal yang sedemikian ini terbukti dengan kenyataan ketua kumpulan The Rebel Scum yang menyatakan bahawa, "Pada kami, penggunaan bahasa Melayu yang sedemikian ini terdapat dalam istilah bahasa pasar. Ini kerana ia untuk ditulis dan didengar mudah untuk difahami mesej yang ingin

disampaikan". Oleh hal yang demikian, hal yang sedemikian ini membawa impak yang negatif kepada bahasa Melayu kerana para pendengar lagu-lagu hip-hop ini, terpengaruh dan terbawa-bawa budaya tersebut dalam percakapan seharian, contohnya ungkapan "yo, yo, yo whatapps bro?". Walaupun gaya ini dianggap sebagai "bahasa seni" dalam muzik hip-hop, tetapi kurang sesuai dalam konteks pemartabatan bahasa Melayu kita.

**Menurutnya, penggunaan singkatan perkataan berlaku terhadap semua bahasa yang ada di dunia, tetapi tidak menjadi masalah jika mereka dapat membezakan penggunaannya untuk tujuan rasmi atau tidak.**

Bukan itu sahaja, pengaruh bahasa Inggeris juga tidak dapat dielakkan kerana bahasa berkenaan merupakan bahasa pertuturan antarabangsa. Namun, apa-apa juga bahasa, penggunaannya harus menepati larasnya yang gramatis dan baku. Memang benar mempelajari bahasa Inggeris itu tidak salah bahkan berupa nilai tambah. Namun demikian, mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris bukan sahaja mencemarkan kemurnian bahasa Melayu,

malah tidak menampakkan kentelektualan masyarakat kita memahami dan menguasai bahasa Inggeris. Hal-hal yang sedemikian inilah yang menyebabkan kemandirian bahasa Melayu semakin goyah.

Terdapat beberapa langkah untuk memastikan kemandirian bahasa Melayu. Antaranya termasuklah pihak yang berwajib haruslah memberikan perhatian kepada laman-laman web tempatan dan mengusahakan pemrograman aplikasi yang mampu membetulkan kesalahan-kesalahan tatabahasa. Sebagai contoh aplikasi Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) yang telah diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memudahkan pengguna menyemak kesalahan ejaan dan mengetahui makna perkataan. Dengan kaedah yang sedemikian, pengguna akan menyedari kesalahan tatabahasa mereka. Menurut Datuk Dr. Haji Awang Sariyan, untuk mengelakkan bahasa Melayu terus tercemar akibat daripada penggunaan SMS, para guru hendaklah memberikan penekanan kepada pelajar mereka agar tahu membezakan antara bahasa untuk urusan rasmi dan tidak rasmi. Menurutnya, penggunaan singkatan perkataan berlaku terhadap semua bahasa yang ada di dunia, tetapi tidak menjadi masalah jika mereka dapat membezakan penggunaannya untuk tujuan rasmi atau tidak. Menurutnya lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak memberikan perhatian terhadap bahasa yang diguna pakai dalam SMS, tetapi jika ragam bahasa itu digunakan dalam urusan rasmi yang akan mempengaruhi masyarakat, DBP akan memberikan perhatian terhadap penggunaan bahasa tersebut untuk mengelakkan ia merosakkan kemandirian

bahasa Melayu. Beliau juga berkata bahawa pihak berkuasa tempatan dan jabatan kerajaan perlu bekerjasama dalam hal ini kerana mereka bertanggungjawab mengawal selia papan tanda dan memastikan pihak yang mengeluarkan iklan menggunakan bahasa yang betul. Tambahan pula, penerbitan bahan bacaan yang menggunakan bahasa rojak atau bahasa pasar perlu dihentikan kerana dikhuatiri mempengaruhi remaja (*Utusan Melayu*, 15 Februari 2004).

Selain itu, pihak Kementerian, jabatan atau agensi kerajaan mestilah memainkan peranan penting untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan memastikan dan mewajibkan kesemua pegawai dan kakitangan kerajaan mahupun swasta, menggunakan bahasa Melayu yang betul dari segi tatabahasa dan ejaannya dalam semua urusan rasmi atau tidak rasmi, sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan seperti mesyuarat, surat-menyurat, memo, iklan, dokumen, arahan pada papan tanda, dan sebagainya. Pihak yang berkenaan juga perlu memperbanyak program dan acara seperti pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Melayu, seminar, forum, wawancara, dan sebagainya secara berterusan dalam usaha meningkatkan kemahiran bahasa Melayu yang betul dalam kalangan masyarakat seperti yang telah dilakukan oleh DBP untuk mengembangkan dan meningkatkan kualiti bahasa.

Dalam aspek pendidikan, para guru boleh menganjurkan lebih banyak pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Melayu seperti yang dilakukan oleh DBP untuk pelajar-pelajar. Selain itu, guru juga haruslah

menitikberatkan cara penyampaian bahasa Melayu di dalam bilik darjah dengan mengutamakan aspek tatabahasa dalam kalangan pelajar dari peringkat sekolah rendah agar pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal yang sedemikian ini dikukuhkan dengan kenyataan Dr. Yahya Othman bahawa rumus tatabahasa yang wujud perlu dipelajari secara beransur-ansur sehingga membentuk operasi

**Selain itu, pihak bertanggungjawab haruslah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan bersemangat dan bersungguh-sungguh agar cita-cita kita untuk kedudukan bahasa Melayu di negara kita tercapai.**

kesatuan rumus utuh dan berupaya melakukan operasi membina ayat. Abd. Aziz Abd. Talib pula ada menyatakan bahawa pengajaran tatabahasa membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi ini dapat membantu pelajar menghasilkan ayat yang gramatis dan tepat.

Faktor kelunturan jati diri penutur bahasa Melayu ini juga dapat diatasi dengan

meningkatkan undang-undang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi semua bidang seperti bidang pendidikan, perfileman, ekonomi, dan sebagainya. Hal ini seperti yang dinyatakan Datuk Seri Dr. Rais Yatim bahawa kabinet telah bersetuju untuk memberikan kuasa kepada DBP untuk mendenda pencemar bahasa di negara ini. Tetapi denda ini hanya memberikan tumpuan pada papan iklan dan notis awam sahaja. Selain itu, pihak yang terlibat dalam bidang media atau hiburan juga perlu memartabatkan bahasa Melayu yang bermutu tinggi dengan cara mengurangkan atau menghapuskan penggunaan bahasa pasar yang biasa digunakan dalam penciptaan lagu, filem, drama, dan sebagainya. Syarikat-syarikat yang berkaitan hendaklah mewujudkan satu ahli jawatankuasa khas yang berkaitan dengan bahasa baku agar dapat mengelakkan penggunaan bahasa yang bercampur aduk antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, iaitu bahasa rojak.

Kesimpulannya, sebagai rakyat Malaysia kita harus berganding bahu untuk memastikan kemandirian bahasa Melayu dan memperkasakan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Selain itu, pihak bertanggungjawab haruslah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan bersemangat dan bersungguh-sungguh agar cita-cita kita untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu di negara kita tercapai. Kita harus sedar bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan kita, dan kemadirinya bergantung sepenuhnya pada kekuatan dan keseriusan kita untuk memastikan maruah bahasa Melayu diperkasa. DB